

24/09/1999

Blok ekonomi serantau tanpa AS hampir nyata

Wan Sabariah Shikh Ali

WAWASAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mewujudkan satu blok kerjasama serantau, tanpa penyertaan Amerika Syarikat, semakin hampir menjadi kenyataan.

Agensi berita elektronik, Stratfor.Com, dalam analisis minggunya, berkata kejayaan Malaysia menguruskan ekonomi menggunakan kawalan modal, membuka ruang kepada negara lain, seperti Jepun untuk turut menerima pakai kaedah itu.

Sekiranya Jepun, yang sememangnya tertarik dengan idea kawalan modal, melaksanakan kaedah itu, kemungkinan turut terbuka kepada negara lain untuk mengikutinya.

Andaian kemungkinan Jepun menerima pakai langkah kawalan modal dibuat selepas Ketua Ekonomi Bank Dunia, Joseph Stiglitz, mengakui bahawa kejayaan Malaysia adalah satu pengajaran penting.

Kenyataannya yang dibuat dalam dokumen penting Bank Dunia, Kajian Perkembangan Global, menerima hakikat bahawa ramalan yang Malaysia akan menerima kesan buruk daripada dasar yang diamalkannya, tidak berlaku.

Penerbitan berasaskan Internet itu menegaskan, selepas Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mengiktiraf kaedah yang diperkenalkan Dr Mahathir itu, adalah sukar untuk menepis idea beliau mengenai perlunya satu gerakan ekonomi serantau, yang dipimpin Jepun dan berteraskan yen.

Katanya, sejak 1990, Perdana Menteri mengemukakan pandangan bahawa ekonomi Asia terlalu bergantung kepada Amerika Syarikat sebagai pasaran.

Beliau bukan saja mengemukakan kawalan modal di peringkat nasional tetapi turut menganjurkan kewujudan blok ekonomi serantau di Asia, yang dibangunkan dengan menggunakan yen sebagai mata wang, dan terpisah daripada Amerika Syarikat dari segi dasar dan rangka kerja perdagangan.

"Dr Mahathir percaya bahawa blok ekonomi serantau yang diterajui Jepun diperlukan kerana dua sebab. Pertama, pergantungan kepada Amerika Syarikat untuk menyerap keluaran Asia tidak boleh dikekalkan dalam jangka panjang.

"Kedua, Amerika Syarikat akan menggunakan pergantungan ini untuk memanipulasi dan memecahkan Asia supaya apa yang berlaku pada 1997, boleh berlaku lagi.

"Semua orang menolak pandangan Dr Mahathir itu. Kami sudah lama berpendapat beliau adalah penunjuk jalan. Ini tidak bermakna kami bersetuju dengannya. Ia hanya bermakna kami berasa suatu hari pandangan 'Mahathirian' akan menjadi kenyataan di Asia," kata laporan itu.

(END)